



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (033-045)

Retorik Penceritaan dalam Penulisan Hikayat Hang Tuah

*¹Muhammad Nur Akmal Rosli, ²Mohamad Nik Mat Pelet, ³Juliana Damsik, ⁴Nurul Nadia Samud,
⁵Noor Saadah Salleh & ⁶Norita Harijaman

¹akmalrosli@uitm.edu.my, ²nikmat@uitm.edu.my, ³julianad@uitm.edu.my, ⁴nurulnadia2555@uitm.edu.my,
⁵saadahsalleh@uitm.edu.my & ⁶noritaharijaman@uitm.edu.my

¹²³⁴⁵⁶*Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa,
 Universiti Teknologi Mara, Shah Alam*

Tarikh terima : 19 Ogos 2024
Received
 Terima untuk diterbitkan : 25 Disember 2024
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
Published online

Abstrak

Retorik merupakan seni pemakaian bahasa yang menarik, indah dan estetik bagi memujuk atau mempengaruhi khalayak. Retorik melibatkan penggunaan bahasa yang memfokuskan aspek keterampilan, kesantunan dan pengaplikasian bahasa yang berkesan dalam berkomunikasi secara lisan atau tulisan. Penerapan retorik yang tepat dapat membantu untuk memudahkan pembaca memahami idea yang hendak disampaikan dan menghasilkan sebuah karya yang menarik serta berkualiti. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis retorik yang diterapkan dalam penulisan Hikayat Hang Tuah berlandaskan Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos dan Brown. Terdapat lima jenis retorik yang diutarakan iaitu retorik pemerian, penceritaan, pemujukan, pendedahan dan penghujahan. Namun begitu, fokus kajian ini hanyalah kepada retorik penceritaan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks bagi memperoleh data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa retorik penceritaan yang diterapkan dalam penulisan Hikayat Hang Tuah adalah untuk memudahkan pembaca agar memahami peristiwa yang hendak diceritakan dan berupaya untuk menyampaikan jalan cerita dengan lebih berkesan serta jelas. Retorik ini juga digunakan untuk menceritakan tentang sesuatu idea secara tersusun berdasarkan pemilihan diksi yang tepat. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa elemen dalam retorik penceritaan yang digunakan iaitu narator, imbas kembali, dialog, monolog dan latar. Oleh itu, jelaslah bahawa pengaplikasian retorik penceritaan dapat menyampaikan sesuatu jalan cerita dengan lebih menarik, jelas dan membolehkan pembaca membayangkan situasi tersebut dalam minda mereka. Akhir sekali, kecekapan penulis dalam menerapkan aspek retorik menunjukkan bahawa penulis sangat arif dan kreatif serta merupakan satu langkah yang sangat efisien dalam penghasilan Hikayat Hang Tuah.

Kata Kunci: Retorik penceritaan, teknik penceritaan, retorik penulisan, teknik retorik, Hikayat Hang Tuah.

The Narrative Rhetoric Applied in the Writing of Hikayat Hang Tuah

Abstract

Rhetoric is the art of using attractive, beautiful and aesthetic language to persuade or influence the audience. Rhetoric involves the use of language that focuses on aspects of skill, politeness and effective application of language in communicating orally or in writing. The correct application of rhetoric can help to make it easier for readers to understand the ideas to be conveyed and produce an interesting and a very high-quality creative work. This study aims to identify the type of rhetoric applied in the writing of Hikayat Hang Tuah based on Modern

Rhetorical Theory (1993) by Enos and Brown. There are five rhetorical techniques that are expressed, namely the rhetorical techniques of descriptive, narrative, argumentation, persuasion and exposition. However, the focus of this study is only on the rhetoric of narrative by using a qualitative approach through text analysis methods to obtain research data. The results of this study found that the narrative rhetoric applied in the writing of Hikayat Hang Tuah is to make it easier for the reader to understand the events to be told and to be able to convey the story line more effectively and clearly. This rhetoric is also used to present an idea in an organized manner, based on the selection of accurate diction. The results of the study also found that there are several elements in the narrative rhetoric used, namely the narrator, flashback, dialogue, monologue and setting. Therefore, it is clear that the application of narrative rhetoric can convey a story more interesting, clearly and allows readers to imagine the situation in their minds. Finally, the writer's efficiency in applying rhetorical aspects shows that the writer is very knowledgeable and creative and is a very efficient step in the production of Hikayat Hang Tuah.

Keywords: Narrative rhetorical, narrative technique, writing rhetorical, types of rhetoric, Hikayat Hang Tuah.

1. Pengenalan

Retorik adalah satu seni pemakaian bahasa yang menarik dan estetik bagi memujuk, mempengaruhi serta menarik perhatian pembaca atau pendengar. Retorik juga digunakan bagi menambahkan keindahan terhadap jalan cerita dan idea yang hendak ditonjolkan dalam sesebuah penulisan sama ada cerpen, puisi, novel, dan hikayat. Menurut Nurulain Abdul Razak et al. (2016), retorik melibatkan penggunaan bahasa yang indah, menarik dan berkesan bagi mempengaruhi minda dan tingkah laku khalayak. Retorik adalah seni pemakaian bahasa yang menarik, indah dan estetik serta merujuk kepada penggunaan bahasa yang berketerampilan, sopan dan berkesan dalam sesuatu penulisan atau percakapan untuk memujuk atau mempengaruhi khalayak (Rohaidah Kamaruddin et al., 2020). Teknik retorik perlu diterapkan dalam penulisan bagi menerangkan tentang sesuatu idea atau buah fikiran penulis terhadap sesuatu perkara. Hal ini menunjukkan bahawa pentingnya bagi penulis untuk menguasai bidang retorik agar dapat membantu dalam meraih perhatian pembaca terhadap perkara yang hendak disampaikan. Kemahiran penulis dalam mengaplikasikan retorik dalam penulisannya dapat mengukuhkan lagi sesuatu pernyataan bagi mempertahankan hujah-hujah yang cuba diutarakan dan juga memujuk pembaca agar menyokong setiap perkara yang dinyatakan. Oleh itu, tidak hairanlah jika penulis menerapkan unsur retorik dalam penulisannya kerana hal ini memberi banyak manfaat dalam penghasilan karya yang tidak hambar, segar dan bermutu.

Perkataan hikayat pula berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud cerita atau bercerita. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa hikayat merujuk kepada bentuk cerita yang bersifat naratif. Hikayat merupakan salah satu komponen dalam kesusasteraan Melayu tradisional sebagai sebuah karya kreatif. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), hikayat merupakan kisah-kisah lama yang disampaikan dalam bentuk prosa yang mengisahkan sesuatu perkara atau peristiwa sama ada dihayatkan atau orang yang empunya hikayat. Pada kebiasaannya, hikayat mengandungi kisah-kisah yang disampaikan secara panjang lebar tentang seseorang tokoh atau peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku. Misalnya Hikayat Hang Tuah yang menceritakan tentang ketokohan pahlawan Melayu yang sangat popular sejak dahulu sehingga sekarang iaitu Laksamana Hang Tuah. Hikayat Hang Tuah juga merupakan sebuah karya kreatif yang berbentuk naratif epik tentang keagungan bangsa Melayu yang telah ditulis dalam bentuk prosa yang merupakan salah satu karya Melayu klasik yang terpanjang iaitu sebanyak 491 halaman. Karya ini adalah versi transliterasi huruf jawi kepada huruf rumi yang telah diterima oleh *UNESCO's Memory of the World Programme International Register* pada tahun 2001 sebagai salah satu sejarah warisan dunia (Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin, 2015).

1.1 Permasalahan Kajian

Penulisan atau percakapan tidak boleh disampaikan dalam teks berbentuk literal semata-mata kerana khalayak pembaca atau pendengar mungkin akan mengalami masalah untuk memahami idea yang hendak disampaikan. Oleh hal yang demikian, retorik memiliki fungsi yang mampu untuk mengatasi masalah tersebut. Perkara ini juga dinyatakan oleh Asrulazuan Mat Dehan et al. (2017) bahawa retorik sangat penting dalam menyokong fungsi bahasa kerana idea tidak akan dapat disampaikan dengan lebih

berkesan tanpa penerapan elemen retorik. Hal ini turut disokong oleh Siti Nor Atikah Salleh et al. (2016) iaitu penyampaian sesuatu maklumat hendaklah menggunakan laras bahasa yang tepat bagi mengelakkan kesalahfahaman antara penutur dengan penerima agar maklumat tersebut jelas dan mudah difahami. Ketiadaan penggunaan unsur retorik dalam sesebuah penulisan akan memperlihatkan idea, hujah atau fakta yang ditampilkan berbentuk mendatar sehingga menyebabkan sesuatu karya itu menjadi hambar. Menurut Nurulain Abdul Razak et al. (2016), retorik memberikan kesan mendalam terhadap ujaran atau penulisan, di samping penggunaan gaya bahasa yang indah dan berseni bagi menarik minat serta perhatian pendengar. Sehubungan dengan itu, bidang retorik wajar diaplikasikan dalam penulisan karya kreatif bagi menarik minat pembaca terhadap idea yang ingin disampaikan dengan tujuan untuk memberitahu, memujuk, mempengaruhi dan menyedarkan masyarakat tentang senario yang berlaku dalam kehidupan. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan tentang jenis retorik yang digunakan dalam penulisan Hikayat Hang Tuah dan secara tidak langsung akan membuktikan betapa pentingnya bidang retorik untuk dipelajari oleh pelajar sekolah mahupun di institut pengajian tinggi. Kajian ini diharapkan dapat membantu untuk menarik minat pembaca atau penutur bagi membina pemahaman mereka terhadap aspek retorik lantas menggunakannya dalam menghasilkan penulisan atau pengucapan yang menarik dan berkualiti. Pada masa yang sama dapat memperkenalkan aspek kajian bahasa yang memberikan perspektif baharu tentang cabang ilmu bahasa Melayu kepada pembaca.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yang berikut;

- i. Untuk mengenal pasti jenis retorik yang diterapkan dalam penulisan Hikayat Hang Tuah.
- ii. Untuk menganalisis jenis retorik yang diterapkan dalam penulisan Hikayat Hang Tuah berlandaskan Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos dan Brown.

2. Sorotan Kajian

Perkembangan yang memberangsangkan dalam kajian retorik menjadi salah satu perkara yang perlu dibanggakan. Penerapan retorik melibatkan pelbagai bidang seperti pembuatan filem bagi membolehkan penonton memahami setiap idea yang hendak disampaikan oleh penulis skrip. Kajian retorik dalam filem ini telah dilakukan oleh Nor Hafidah Ibrahim et al. (2018). Objektif kajian yang dikemukakan adalah untuk menganalisis dan menghuraikan aspek penggunaan retorik dalam filem Leftenan Adnan. Kaedah kualitatif telah digunakan dan keseluruhan skrip filem ditranskripsikan bagi mendapatkan data kajian. Jenis retorik yang dikaji ialah penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan. Hasil kajian mendapati bahawa penulis skrip filem Leftenan Adnan telah menerapkan kelima-lima jenis retorik dalam penulisannya iaitu penceritaan, pemerian, pemujukan, pendedahan dan penghujahan seperti yang dinyatakan dalam Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Kajian ini turut mendapati bahawa filem Leftenan Adnan mampu mengaplikasikan penggunaan retorik dengan berkesan dalam menggambarkan budaya dan sejarah bangsa serta negara di samping menerapkan nilai-nilai patriotisme dalam masyarakat

Selain itu, penggunaan retorik merangkumi konteks yang sangat luas daripada penulisan karya kreatif sehinggalah hal-hal yang berkaitan keagamaan. Misalnya, kajian Husna Hidayah Mansor et al. (2018) yang melibatkan penggunaan jenis retorik dalam ceramah agama, namun hanya memfokuskan teknik retorik pemerian. Model Retorik Raminah Sabran (2002) telah digunakan dalam kajian ini, manakala penganalisisan data dilakukan melalui kaedah analisis kandungan. Proses analisis data hanya dilakukan terhadap tujuh buah tajuk ceramah daripada 13 tajuk secara keseluruhannya dalam rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1. Sehubungan dengan itu, keputusan kajian mendapati bahawa retorik pemerian sering digunakan dalam ceramah agama adalah untuk menarik perhatian khalayak agar dapat memahami pengisian ceramah dengan mudah. Selain itu, retorik pemerian juga berupaya untuk menggambarkan idea yang hendak disampaikan agar pendengar mampu membayangkan perkara tersebut.

Seterusnya, kajian tentang Teori Retorik Moden juga agak popular dilakukan dalam kalangan sarjana di dalam negara. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Asrul Azuan Mat Dehan (2016) yang melibatkan retorik dalam novel. Kajian ini menggunakan novel *Salina dan Hujan Pagi* karya A. Samad Said sebagai bahan kajian. Dalam hal ini, kajian Asrul Azuan Mat Dehan (2016) menggunakan empat pandangan terdiri daripada model dan teori yang salah satunya ialah Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos dan Brown. Teori ini digunakan adalah untuk mengenal pasti jenis retorik yang diterapkan dalam novel *Salina dan Hujan Pagi*. Berdasarkan penganalisan data yang dilakukan menunjukkan bahawa lima jenis retorik iaitu retorik penceritaan, pemerian, pendedahan, pemujukan dan penghujahan telah diaplikasikan dalam penulisan novel tersebut. Oleh itu, penggunaan lima jenis retorik ini merupakan salah satu aspek yang dapat menarik perhatian pembaca untuk membaca novel *Salina dan Hujan Pagi*.

Kajian tentang Teori Retorik Moden diteruskan pula ke dalam bidang media. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Mazlan Abu Bakar dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2016) yang berkaitan retorik dalam laporan media di Malaysia dari segi sosioekonomi masyarakat. Kajian ini dilakukan berlandaskan Teori Retorik Moden yang merangkumi teknik penerangan, teknik penghujahan, teknik pemerian, teknik pemujukan dan teknik pendedahan. Teknik-teknik retorik ini dikesan penggunaannya dalam bentuk kata, frasa, klausa dan ayat. Keputusan kajian ini mendapati bahawa kelima-lima teknik retorik telah diguna pakai dalam laporan media di Malaysia. Dengan berbuat demikian, penulisan laporan media dapat dihasilkan dengan lebih dramatis dan kreatif supaya pembaca berminat untuk membeli dan membaca setiap berita atau laporan yang disediakan oleh pihak media. Kajian ini menunjukkan bahawa penerapan teknik retorik dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca.

Namun begitu, kajian tentang retorik tidak hanya tertumpu kepada kajian teks semata-mata, tetapi ia juga meliputi kajian terhadap ucapan seperti kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022). Kejayaan sesuatu ucapan bergantung pada perkataan yang dipilih untuk mempengaruhi pendengar melalui penggunaan strategi retorik yang berkesan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan dua situasi yang berbeza. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang telah diterapkan bersama strategi retorik oleh Idris Aman (2006). Hasil kajian menunjukkan bahawa pengucap telah memanfaatkan empat daripada lima strategi retorik iaitu ekspositori, eksplanatori, argumentatif dan ekspresif. Berdasarkan perbandingan antara kedua-dua teks perutusan, penggunaan strategi retorik dalam teks perutusan kedua lebih tinggi berbanding dengan teks perutusan pertama. Strategi retorik yang digunakan secara dominan dalam teks perutusan pertama merangkumi ekspositori sebanyak 54.17% berbanding dengan eksplanatori sebanyak 20.83%, manakala strategi retorik yang dominan digunakan dalam teks perutusan kedua pula ialah eksplanatori sebanyak 45.10% berbanding dengan ekspositori sebanyak 29.41%. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan strategi retorik yang berbeza perlu dititikberatkan bergantung pada situasi semasa yang dialami. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada pemimpin politik untuk merangka teks ucapannya yang lebih berkesan dan berkualiti terutamanya tentang hal-hal yang penting.


3. Metodologi

Reka bentuk kajian ini berbentuk deskriptif bagi menghuraikan maklumat dan data dengan menggunakan kaedah analisis teks. Kaedah penyelidikan deskriptif sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu yang sedang berlaku. Kajian ini mengadaptasi kerangka reka bentuk kajian yang dikemukakan oleh Creswell (2003) kerana didapati menyeluruh dan dapat menunjukkan perkaitan yang jelas antara falsafah, strategi dan teknik kajian. Huraian kepada analisis data kajian ini ialah berbentuk kualitatif kerana data kualitatif sangat sesuai digunakan sekiranya melaksanakan kajian yang melibatkan pemerhatian terhadap sekumpulan manusia. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012) pula, data kualitatif merangkumi data dalam bentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks sebagai instrumen kajian bagi memperoleh maklumat dan data. Segala data yang diperlukan dalam kajian ini diambil berdasarkan objektif kajian.

3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif digunakan untuk memahami peristiwa sebenar dan konteks kajian yang hendak dilakukan tanpa memanipulasikan apa-apa keadaan sebenar. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), terdapat tiga jenis data penyelidikan kualitatif yang dapat dihasilkan melalui pemerhatian, perbincangan dan bahan bertulis seperti petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan kes sejarah. Hal ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji kerana melibatkan bahan bertulis. Kajian kualitatif sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan (Crawford & Irving, 2009). Kajian yang akan dijalankan ini memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap bahan kajian iaitu Hikayat Hang Tuah bagi mengupas maksud yang terselindung yang hendak disampaikan oleh penulis. Oleh itu, pendekatan kualitatif lebih sesuai dijadikan sebagai salah satu kaedah dalam memahami bahan kajian secara mendalam bagi menghasilkan satu kajian yang berkualiti.

3.2 Kerangka Teori



Rajah 1: Kerangka Teori Retorik Moden

4. Keputusan dan Perbincangan

Salah satu retorik yang sering dipraktikkan dalam penulisan karya kreatif ialah retorik penceritaan. Retorik ini dapat memudahkan pembaca untuk memahami perkara yang hendak diceritakan dalam bentuk tulisan dan ia juga berupaya untuk menyampaikan jalan cerita dengan lebih berkesan serta jelas. Dalam retorik penceritaan, penulis akan menceritakan tentang sesuatu perkara atau idea secara tersusun berdasarkan pemilihan diksi yang tepat dan bermakna melalui teknik-teknik tertentu. Menurut Mohamed Nazreen Shahul Hamed dan Md. Salleh Yaapar (2015), teknik penceritaan boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu plot, watak, latar, tema dan gaya penceritaan. Hal yang sama turut dinyatakan oleh Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016) bahawa teknik penceritaan dalam penulisan karya kreatif yang sering digunakan oleh penulis merangkumi tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar, plot, sudut pandangan dan gaya bahasa yang pelbagai. Sehubungan dengan itu, teknik retorik penceritaan merupakan jalan cerita tentang sesuatu kisah atau peristiwa yang disampaikan oleh dua pihak iaitu orang yang bercerita dan orang yang diceritakan. Dua pihak yang terlibat boleh dikelaskan melalui kata ganti nama diri. Sebagai contoh, orang yang bercerita menggunakan kata ganti nama diri pertama iaitu aku, saya dan kami, manakala orang yang diceritakan menggunakan kata ganti nama diri ketiga iaitu dia, mereka atau nama individu selain individu yang sedang bercerita. Oleh itu, teknik retorik penceritaan memiliki strategi yang tersendiri dengan menerapkan elemen dialog, monolog dan pemerian tentang sesuatu jalan cerita bagi menarik minat pembaca supaya tidak berasa bosan. Antara teknik-teknik yang digunakan dalam retorik penceritaan ialah narator, imbas kembali, dialog, monolog dan latar.

4.1 Narator

Teknik penceritaan menggunakan fungsi narator sebagai medium untuk menyampaikan sesuatu jalan cerita. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), narator merujuk kepada individu yang menceritakan tentang sesuatu kisah. Penulis memasukkan elemen narator dalam penulisan Hikayat Hang Tuah sebagai pengganti kepada dirinya walaupun hikayat tersebut ditulis oleh beliau. Penulisan hikayat merupakan kisah berbentuk naratif yang ditulis secara panjang lebar. Dalam hikayat, watak-watak yang diwujudkan oleh penulis mewakili kehidupan manusia pada masa lalu. Dapatkan kajian mendapati bahawa penulis Hikayat Hang Tuah menggunakan teknik narator untuk menceritakan sejarah tentang seorang tokoh dan sebuah kerajaan Melayu yang hebat pada suatu ketika dahulu. Data 1 memaparkan teknik narator yang diterapkan dalam penulisan Hikayat Hang Tuah.

Data 1: Teknik Narator

BISMI'llahi'rrahani'rrahim; wabihi nasta'inu bi'llahi'l-a'la. Ini Hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada tuan-tuan-nya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kapada tuan-nya.

Sa-kali persetua ada sa-orang raja keinderaan. Raja itu terlalu besar kerajaan-nya; pada segala raja2 indera sa-orang pun tiada menyamai dia, sekalian menurut titah-nya. Shahadan apabila baginda itu keluar di-adap oleh segala raja dan menteri dan santeri, maka berapa pedang yang sudah terhunuk kapada kiri kanan baginda itu dan berapa pula bentara memikul pedang berikatkan permata bertatahkan ratna mutu ma'nikam. Maka apabila baginda itu bertitah pada segala raja2 dan menteri, maka baginda itu memandang ka-kanan, maka segala raja2 dan segala menteri yang dari kanan semua-nya menyembah, maka bentara kanan-lah menyampaikan titah raja itu; maka apabila baginda itu memandang ka-kiri, maka segala raja2 dan segala menteri yang di-kiri semua-nya menyembah, maka bentara kirilah menyampaikan titah raja itu.

Ada pun nama baginda itu Sang Perta Dewa. Adapun Sang Perta Dewa itu tahu akan dirinya akan beroleh anak; maka anak-nya itu akan menjadi raja kapada Bukit Saguntang; maka daripada anak chuchu baginda itu akan menjadi raja besar pada akhir zaman.

(HTT: 1)

Data 1 menunjukkan bahawa penulis menerapkan retorik penceritaan dengan menggunakan teknik narator bagi menceritakan tentang beberapa watak dan kerajaan pada masa lalu. Menurut Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016), teknik retorik penceritaan merangkumi empat bahagian, iaitu permulaan cerita, perkembangan, konflik dan peleraian atau kesimpulan cerita. Berdasarkan dapatkan 1, penulis memulakan cerita dengan kalimah “bismillah” dan memberitahu pembaca tentang kisah yang diceritakan ini adalah Hikayat Hang Tuah. Kalimah “bismillah” sinonim dengan penganut agama Islam bagi melambang permulaan terhadap sesuatu hal yang hendak dilakukan. Penulis turut memberikan pengenalan tentang kisah yang hendak diceritakan iaitu berkaitan sebuah hikayat Melayu yang bertajuk Hikayat Hang Tuah dan menceritakan secara sepintas lalu mengenai watak Hang Tuah yang setia akan tuannya. Seterusnya, penulis mengembangkan jalan cerita dengan menceritakan tentang watak seorang raja yang berasal dari kayangan dan memiliki sebuah kerajaan yang besar serta tiada tandingannya. Perkembangan jalan cerita diteruskan dengan menceritakan tentang keagungan raja tersebut apabila baginda memandang kepada seluruh raja dan pembesar maka mereka akan menyembah baginda. Akhir sekali, pada bahagian peleraian atau kesimpulan cerita, penulis menyatakan nama raja tersebut iaitu Sang Perta Dewa dan secara tidak langsung menceritakan tentang anak Sang Perta Dewa yang akan menjadi raja di Bukit Saguntang dan cucunya pula akan menjadi raja besar pada akhir zaman.

4.2 Imbas Kembali

Dalam penghasilan karya kreatif, penulis akan mengaplikasikan pelbagai teknik penulisan plot yang biasa dilakukan atau konvensional. Menurut Zairul Anuar Md. Dawan et al. (2017), terdapat tiga tahap

dalam teknik penulisan plot konvensional iaitu permulaan, pertengahan dan pengakhiran atau penamat. Salah satu teknik yang sering digunakan oleh penulis ialah teknik imbas kembali supaya pembaca atau khalayak akan lebih mudah memahami jalan cerita yang hendak disampaikan. Hal ini demikian kerana, teknik imbas kembali atau sorot kembali merujuk kepada proses mengimbas kembali peristiwa atau perkara yang pernah berlaku dalam pelbagai cara. Misalnya, teknik imbas kembali boleh diaplikasikan melalui dialog, monolog, penceritaan semula dan sebagainya. Oleh itu, penerapan teknik imbas kembali dapat memberikan kesan yang mendalam kepada para pembaca sebagai salah satu cara untuk memahami jalan cerita dengan lebih jelas. Hal ini menepati prinsip ketiga dalam teori retorik moden iaitu retorik berfungsi untuk memberikan kesan yang lebih mendalam bagi mempengaruhi pembaca. Data 2 memaparkan data yang mengandungi teknik imbas kembali yang diterapkan oleh penulis.

Data 2: Teknik Imbas Kembali

Maka titah baginda, "Hai nakhoda, apa sebab maka nakhoda melihat anak hamba ini dan apa penglihatan nakhoda. Maka sembah nakhoda itu, "Daulat tuanku, ada pun patek tatkala patek tiada beroleh angin maka patek pun keputusan ayer dan kayu, maka patek bertemu dengan sa-buah sampan pada pulau antara Palembang ini. Maka patek naik kapal-pulau itu hendak mengambil ayer dan kayu. Maka patek lihat budak2 empat orang, terlalu baik paras-nya dan pakaian-nya keempat-nya. Maka oleh segala teman patek di-katakan-nya budak lari. Maka budak empat orang itu pun lari hampir telaga batu, lalu ghaib keempat-nya tiada-lah bertemu dengan patek sakalian. Maka patek lihat rupa budak empat orang itu sa-akan2 rupa paduka anakanda ini-lah, besar-nya dan pakaian-nya tiada bersalahan. Sebab ini-lah maka patek sakalian memandang paduka anakanda ini. Pada bichara patek budak ini, empat orang yang bertemu dengan patek itu, entah anak dewa2 atau anak indera2 juga rupa-nya maka sa-konyong2 ghaib daripada mata patek sakalian ini."

(HTT: 12)

Data 2 memaparkan teknik imbas kembali yang digunakan oleh penulis bagi mengimbas kembali tentang kisah-kisah yang telah berlaku. Berdasarkan petikan tersebut, penulis hendak mengimbas kembali tentang peristiwa yang dilalui oleh nakhoda kapal. Teknik imbas kembali ini diterapkan selepas raja menanyakan sebab nakhoda melihat anaknya dan ingin tahu perkara yang dilihatnya. Keadaan ini menunjukkan bahawa peristiwa tersebut telah berlaku. Seterusnya, penulis mengimbas kembali peristiwa tersebut melalui dialog nakhoda yang mengatakan bahawa semasa dia tidak dapat belayar kerana ketiadaan angin, dia terlihat ada sebuah sampan di Pulau Palembang, lalu dia melihat empat orang kanak-kanak yang sangat baik rupa dan pakaiannya. Setelah ditegur oleh anak kapal yang lain maka mereka berempat lari ke sebuah telaga batu lalu ghaib.

Akhir sekali, penulis mengimbas kembali sebab nakhoda melihat anak raja tersebut. Penulis juga mengimbas kembali tentang imaginasi nakhoda tentang kanak-kanak yang ditemukannya itu mungkin anak dewa atau anak dari kayangan. Data 2 jelas menunjukkan bahawa penulis menggunakan teknik imbas kembali melalui dialog nakhoda yang menceritakan kembali tentang peristiwa yang telah berlaku kepada raja. Oleh itu, teknik imbas kembali merupakan proses mengimbas semula setiap peristiwa yang pernah dilalui sama ada melibatkan pengalaman, perasaan atau pemikiran yang terzahir melalui imaginasi (Mohd Fadzil Baharudin, 2017).

4.3 Dialog

Dialog merujuk kepada perbualan dua hala melalui tutur kata yang diujarkan oleh watak-watak dalam sesuatu cerita. Dialog juga merupakan perbincangan antara dua pihak yang berkepentingan tentang sesuatu perkara. Dalam pada itu, dialog bermaksud perbincangan antara dua pihak atau lebih melalui pertemuan, komunikasi, persepakatan, pemahaman, perhubungan dan persefahaman secara kolektif (Azrinah Abdul Rahah, 2009). Manakala menurut Mustafa Kamal Amat Misra dan Jaffary Awang (2012), dialog adalah satu sesi perbincangan antara dua pihak untuk mengenal pasti persamaan dan

perbezaan bagi mencapai persetujuan dalam sesuatu perbualan. Tambahan pula, ayat-ayat dialog wujud antara dua pihak yang sedang bersoal jawab dan ia melibatkan proses berfikir bersama serta saling bertukar pandangan yang melalui beberapa pihak (Mohd Abdul Nasir Abd Latif et al., 2018). Secara umumnya dialog memerlukan penglibatan sekurang-kurangnya dua pihak bagi membahaskan tentang sesuatu perkara. Dapatan 3 memaparkan teknik dialog yang digunakan dalam menggambarkan jalan cerita.

Dapatan 3: Teknik Dialog

Maka Hang Tuah, Hang Jebat pun segera berlari2 mendapatkan anjing itu. Maka di-lihat-nya sa-ekor pelandok putih, saperti kambing besar-nya, berhadapan dengan anjing-nya. Maka oleh pelandok itu di-gigit-nya akan anjing kedua itu. Maka anjing itu pun berteriak kedua-nya lalu terjun ka-dalam sungai itu. Maka pelandok itu pun mengusir anjing kedua-nya. Maka Hang Tuah, Hang Jebat dengan segala orang-nya pun berlari2 mengikut anjing dan pelandok itu. Maka Hang Tuah dan Hang Jebat pun hairan.

Hatta maka pelandok putih pun ghaib-lah. Maka raja dan Ratu Melayu pun datang mengikut Hang Tuah, Hang Jebat. Maka oleh Hang Tuah dan Hang Jebat segala kelakuan pelandok putih dan anjing itu semua-nya habis di-persembahkan oleh Hang Tuah dan Hang Jebat itu. Maka baginda kedua pun hairan-lah mendengar sembah Hang Tuah dan Hang Jebat itu demikian. Maka titah baginda, "Hai mamak Bendahara, hai segala menteri yang tua2, ada-kah pernah melihat pelandok putih sa-ekor, saperti kambing besar-nya, menerajangkan anjing ka-dalam sungai? Apa gerang padah-nya?" Maka sembah Bendahara Paduka Raja dan segala menteri yang tua2 itu. "Ya tuanku shah ada patek dengar kata orang tua2 patek, jika ada pelandok putih pada hutan atau barang tempat sa-kali pun, baik-lah tempat, patut di-perbuat negeri; berdaulat negeri, tuanku." Sa-telah baginda mendengar sembah Benda-hara dan segala menteri tua2 demikian itu maka baginda pun terlalu sukachita serta bertitah, "Jika demikian, baik-lah pulau ini kita berbuat negeri.

(HTT: 54)

Dapatan 3 menunjukkan bahawa penulis menggunakan teknik dialog untuk menerangkan jalan cerita pelanduk putih dengan anjing raja. Dalam dapatan tersebut, penulis menceritakan secara langsung tentang hal seekor pelanduk berwarna putih menyerang dua ekor anjing dan mengusir kedua-duanya sehingga menyebabkan Hang Tuah dan Hang Jebat menjadi hairan melihat kelakuan pelanduk putih tersebut. Penulis menerapkan elemen retorik penceritaan bagi menarik perhatian pembaca supaya membayangkan tentang kisah tersebut kerana pada kebiasaanya, anjing yang akan menyerang pelanduk tetapi kisah ini diceritakan sebaliknya. Pada masa yang sama, secara tidak langsung, penulis telah menggambarkan tentang kehebatan seekor pelanduk putih secara tersirat. Ayat tersebut menunjukkan bahawa Hang Tuah dan Hang Jebat berasa hairan melihat kelakuan pelanduk putih mengusir dua ekor anjing dan ini menggambarkan bahawa pelanduk putih tersebut bukan calang-calang. Menurut Asrul Azuan Mat Dehan dan Nor Azuwan Yaakob (2017), tanpa penerapan retorik, buah fikiran tidak dapat disampaikan dengan berkesan kerana tidak semua penulisan boleh disampaikan dalam teks berbentuk lateral semata-mata.

Seterusnya, penulis memasukkan teknik dialog secara dua hala antara Raja Melaka dengan Bendahara dan menteri-menteri bagi menceritakan tentang wujudnya sebuah negeri. Melalui dialog tersebut, penulis menimbulkan persoalan menerusi watak Raja Melaka kepada Bendahara dan menteri-menteri sama ada mereka tahu atau tidak akan gerangan pelanduk putih yang menendang anjing ke dalam sungai. Persoalan ini akan menarik perhatian pembaca melalui pertanyaan yang timbul dalam minda pembaca tentang kelebihan pelanduk putih tersebut. Kemudian, Bendahara dan menteri-menteri menjawab persoalan Raja Melaka dengan menyatakan bahawa mereka pernah mendengar cerita daripada orang-orang tua tentang kewujudan pelanduk putih di mana-mana tempat, maka tempat tersebut sangat baik untuk dibangunkan sebuah negeri yang berdaulat. Dialog seterusnya menunjukkan

bahawa penulis menceritakan tentang persetujuan Raja Melaka untuk membuka sebuah negeri di kawasan terjadinya peristiwa pelanduk putih menendang anjing tersebut yang merupakan sebuah pulau.

Sehubungan dengan itu, penerapan teknik dialog akan memudahkan proses penyampaian jalan cerita kerana ia dapat membantu bagi menjelaskan sesuatu yang sedang berlaku dalam jalan cerita tersebut dan memastikan supaya jalan cerita tidak kelihatan hambar dan membosankan. Gaya penyampaian jalan cerita yang bersifat hambar dan membosankan akan mengakibatkan pembaca tidak berminat untuk meneruskan pembacaan. Keadaan ini akan menyebabkan sesuatu cerita atau peristiwa besar yang berlaku dalam sejarah penubuhan sebuah kerajaan agung pada zaman dahulu iaitu Kesultanan Melayu Melaka gagal disampaikan dengan baik. Oleh hal yang demikian, penting bagi penulis untuk mewarnai teknik penceritaan yang pelbagai bagi menarik minat pembaca. Pengkaji mendapati bahawa penulis menggunakan teknik dialog agar pembaca boleh mendalami cerita yang hendak disampaikan dengan cara pembaca menganggap bahawa diri mereka yang sedang mengujarkan dialog tersebut dan ini merupakan satu kelainan dalam menyampaikan sesuatu cerita. Hal ini turut dinyatakan dalam prinsip pertama teori retorik moden iaitu retorik mempunyai kelainan dari segi bentuk bahasanya yang berwarna warni untuk menarik minat pembaca agar tidak bosan (Enos & Brown, 1993).

4.4 Monolog

Monolog mempunyai perbezaan dengan dialog dari segi penyampaiannya kerana monolog lebih cenderung digunakan untuk meluahkan buah fikiran dan perasaan. Monolog juga merupakan pengucapan oleh watak secara bersendirian untuk menyatakan perasaan atau dijadikan sebagai pembuka kepada sesuatu jalan cerita. Menurut Fazilah Husin (2010), monolog adalah satu bentuk komunikasi sehalu yang diajukan kepada khalayak, bercakap dengan diri sendiri atau bercakap kepada Tuhan. Dalam pada itu, situasi bermonolog merujuk kepada khalayak yang sedang mendengar atau membaca mengenai seseorang tanpa mengeluarkan sebarang persoalan atau menyuarakan pendapat (Fazilah Husin, 2010). Menurut Nadiatan Al Ma'rufah (2018) monolog merujuk kepada seorang individu sahaja yang berbicara seperti pidato, kuliah, ceramah dan deklamasi. Oleh itu, dapatan 4 memaparkan teknik monolog yang digunakan dalam Hikayat Hang Tuah.

Dapatan 4: Teknik Monolog

Maka semua-nya orang yang mengiringkan raja muda memuji istana itu, hanya Tun Tuah juga berdiam diri-nya dan tiada menchela, sa-hingga di-lihat-nya, dalam hati-nya: 'Ada pun barang siapa dudok pada istana ini sampai empat puloh hari kena murka raja, tetapi tiada mengapa.' Maka di-lihat oleh Bendahara kelakuan Hang Tuah itu, maka Bendahara pun tahu-lah akan diam Tun Tuah, kerana orang bijaksana, tahu pada ilmu firasat. Maka Bendahara pun tersenyum, dalam hati-nya 'Baik-lah ku-tanya kapada Tun Tuah, apa juga chela-nya istana itu.'

(HTT: 65)

Dapatan 4 menunjukkan bahawa terdapat penerapan teknik monolog oleh penulis dalam penulisan Hikayat Hang Tuah. Monolog terbahagi kepada dua jenis iaitu monolog dalaman dan monolog luaran. Namun begitu, berdasarkan dapatan 5, penulis telah menerapkan dua teknik monolog dalaman melalui watak Hang Tuah dan Bendahara. Melalui watak Hang Tuah, penulis hendak menyatakan tentang perkara yang terdapat dalam fikiran Hang Tuah mengenai istana yang baru dibina melalui teknik monolog. Monolog ini menunjukkan bahawa ia merupakan monolog dalaman melalui frasa “dalam hati-nya”. Menurut Rohaidah Kamaruddin et al. (2020), sekiranya sesuatu monolog tersebut merupakan monolog dalaman, maka penulis akan meletakkan panduan seperti “baginda berkata dalam hatinya” merujuk kepada monolog dalaman. Monolog tersebut juga menyatakan fikiran Hang Tuah terhadap sesiapa sahaja yang menduduki istana tersebut dalam empat puluh hari akan mendapatkan kemurkaan raja.

Monolog yang kedua dalam dapatan yang sama membicarakan tentang fikiran Bendahara. Monolog tersebut juga adalah satu monolog dalaman yang diujarkan oleh Bendahara bagi menyatakan fikirannya terhadap Hang Tuah. Dalam petikan tersebut, monolog yang diujarkan oleh Bendahara adalah untuk menyatakan tentang persoalan yang berada dalam pemikiran Bendahara terhadap kelakuan Hang Tuah dan perasaan ingin tahu tentang perkara yang ada dalam pemikiran Hang Tuah. Menurut Ismaliza Ishak (2015), monolog merupakan tutur kata yang lahir daripada hati yang diujarkan atau dilontarkan oleh individu untuk ditujukan kepada individu yang lain. Oleh itu, jelaslah bahawa penulis mengaplikasikan teknik monolog bukan sahaja untuk menyatakan tentang pemikiran seseorang, tetapi ia juga digunakan untuk meluahkan perasaan.

4.5 Latar

Karya sastera seperti cerpen, novel dan hikayat sudah pasti memiliki perbezaan dari segi plot-plot penceritaan, salah satunya ialah latar. Latar merupakan penerangan tentang tempat, masa dan masyarakat yang mendasari sesebuah cerita untuk memberikan suasana kepada peristiwa atau manusia. Latar tempat merupakan tempat atau kawasan terjadinya sesuatu peristiwa dalam satu penceritaan. Menurut Mohd Khairul Adenan et al. (2018), latar tempat sangat penting kerana ia berfungsi untuk menggambarkan tempat suatu peristiwa itu terjadi. Latar masyarakat pula merujuk kepada ciri-ciri masyarakat di sesuatu tempat berlangsungnya peristiwa dalam cerita yang boleh dilihat segi bahasa, budaya, keagamaan, kepercayaan dan pekerjaan. Misalnya, penggunaan sesuatu bahasa dapat menggambarkan tentang masyarakat yang mendiami sesuatu kawasan (Mohd Khairul Adenan et al., 2018). Menurut Roslina Abu Bakar (2017) pula, latar masyarakat atau sosial merangkumi aspek pandangan dunia, kepercayaan, pemikiran, falsafah dan pegangan serta cara hidup masyarakat. Latar masa pula merujuk kepada tempoh terjadinya sesuatu peristiwa yang diceritakan dan menggambarkan tentang kehidupan pada masa tersebut seperti zaman penjajah, zaman moden dan sebagainya. Menurut Nor Ain Matnoh et al. (2019), elemen penceritaan seperti latar tempat dan masa merujuk kepada perlambangan tentang kehidupan golongan tertentu dalam masyarakat. Oleh itu, ketiga-tiga latar ini diterapkan oleh penulis bagi menggambarkan tentang sesuatu kawasan, budaya setempat dan masa berlaku sesuatu peristiwa yang hendak diceritakan supaya pembaca jelas dan dapat membayangkan tentang keadaan sebenar. Dapatan 5 menunjukkan contoh latar tempat, masyarakat dan masa berlakunya sesuatu peristiwa dalam Hikayat Hang Tuah.

Dapatan 5: Teknik Latar

MAKA antara tujuh hari tujuh malam maka sampai-lah ka-Tuban. Maka Mendam Berahi pun berlaboh di-labohan Tuban itu menantikan perahu-nya yang banyak itu. Sang Adipati Tuban dan segala orang besar2-nya itu pun membawa makan2an dan sireh pinang, tebu, pisang dan segala buah2an akan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah. Sa-telah datang kapada delapan hari-nya maka perahu yang banyak itu pun datang-lah. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun bermohon-lah kapada Sang Adipati Tuban dan kapada segala orang besar2 itu lalu belayar menuju Jayakatra. Tiga hari tiga malam maka sampai-lah ka-Jayakatra. Maka Mendam Berahi pun singgah di-Jayakatra itu menantikan perahu-nya yang banyak itu. Maka Adipati Jayakatra dengan segala orang besar2-nya pun datang-lah mendapatkan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah membawa sireh, tebu, pisang dan segala buah2an. Hatta maka Pateh Kerma Wijaya pun dudok-lah di-Jayakatra itu kadar tujuh hari menantikan perahu yang banyak itu datang. Hatta perahu yang banyak itu pun datang-lah. Maka Pateh Kerma Wijaya pun belayar-lah menuju Palembang. Hatta berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah ka-Palembang. Maka Adipati Palembang dengan segala orang besar2 pun datang-lah mengalu2kan Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah membawa sireh pinang, tebu pisang. Maka Pateh Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun berhenti-lah di-Palembang itu menantikan perahu banyak itu. Maka perahu banyak itu pun datang-lah berhenti di-Palembang itu. Maka Pateh Kerrna Wijaya pun belayar-lah menuju Pulau Sepat tetapi Mendam Berahi menarek layar topang juga, maka dapat perahu yang banyak itu ikut. Mendam Berahi pun sampai-lah kuala Melaka.

Berdasarkan dapatan 5, penulis hikayat tersebut memasukkan beberapa petunjuk bagi menggambarkan latar dalam penceritaan tentang pelayaran ke Melaka. Penulis telah menggambarkan latar terhadap lima buah kawasan seperti yang dinyatakan dalam dapatan 5. Dalam dapatan tersebut, penulis menyatakan tentang latar masa berlakunya sesuatu peristiwa adalah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang dapat dikesan melalui watak Hang Tuah. Seterusnya, penulis menjelaskan tentang latar tempat dan masyarakat bagi setiap kawasan yang dinyatakan. Kawasan pertama yang digambarkan oleh penulis adalah suatu tempat yang bernama Tuban, manakala latar masyarakat yang hendak ditonjolkan ialah masyarakat yang mengamalkan sistem pemerintahan yang dapat dikenal pasti melalui satu jawatan atau pangkat yang dikenali sebagai adipati yang merujuk kepada ketua wilayah dalam sistem pemerintahan di Jawa. Di samping itu, masyarakat yang melakukan pekerjaan bercucuk tanam yang dapat dilihat melalui makanan yang diberikan kepada Hang Tuah dan Pateh Kerma Wijaya.

Latar tempat bagi kawasan kedua pula ialah Jayakatra iaitu kawasan yang hendak dituju oleh Hang Tuah dan Pateh Kerma Wijaya. Kemudian, penulis menyatakan tentang latar masyarakat bagi Jayakatra iaitu sama seperti latar masyarakat di Tuban. Latar tempat ketiga ialah Palembang. Sehubungan dengan itu, latar masyarakat bagi kawasan Palembang adalah sama seperti latar tempat di Tuban dan Jayakatra iaitu masyarakat yang mengamalkan sistem pemerintahan yang dikesan melalui satu jawatan atau pangkat yang dikenali sebagai adipati, manakala masyarakatnya turut melakukan pekerjaan bercucuk tanam.

Akhir sekali, penulis menceritakan tentang latar tempat bagi dua kawasan yang dituju oleh Hang Tuah dan Pateh Kerma Wijaya iaitu Pulau Sepat dan Kuala Melaka. Kedua-dua latar tempat ini dinyatakan secara umum sahaja. Tujuan penulis menggambarkan latar dalam penulisannya adalah untuk memastikan pembaca dapat membayangkan sendiri tentang sebuah kawasan, zaman, dan masyarakat yang mendiami kawasan tersebut, di samping meninggalkan kesan positif terhadap imaginasi pembaca dalam menghayati jalan cerita serta merasakan sendiri keadaan sebenar melalui latar yang dipaparkan seolah-olah ia benar-benar berlaku (H.E. Kosaih, 2013). Menurut Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Md. Salleh Yaapar (2015), pemilihan latar tempat yang sesuai dengan jalan cerita adalah sangat penting supaya pembaca tidak keliru dengan tempat yang hendak diceritakan. Selain itu, unsur-unsur seperti perwatakan, perbuatan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku merupakan unsur-unsur yang penting dalam membina sesuatu jalan cerita dan latar (Nur Fauzan Ahmad, 2017). Penulis cenderung untuk menggabungkan unsur-unsur tersebut bagi mewujudkan latar tempat dan masyarakat agar dapat memastikan pembaca memahami jalan cerita sebenar seperti yang dipaparkan dalam dapatan 5. Oleh itu, teknik penceritaan yang aplikasikan oleh penulis dengan memasukkan elemen latar dapat meninggalkan kesan yang mendalam terhadap tahap pemahaman pembaca terutama bagi memahami latar dan peristiwa yang hendak disampaikan. Hal ini bertepatan dengan prinsip ketiga dalam Teori Retorik Moden iaitu retorik bertujuan memberikan kesan yang lebih mendalam.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa penulis berjaya mengaplikasikan elemen retorik dalam penulisan Hikayat Hang Tuah walaupun kajian retorik adalah jauh lebih kemudian daripada penulisan hikayat tersebut. Berdasarkan penganalisan dapatan yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti bahawa terdapat penggunaan teknik retorik penceritaan seperti yang dinyatakan dalam Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Pengkaji telah membincangkan satu per satu data kajian dan hasil daripada perbincangan tersebut, pengkaji mendapati bahawa retorik penceritaan yang diterapkan bersesuaian dengan fungsi sesebuah hikayat yang bertujuan untuk menceritakan atau meriwayatkan tentang sesuatu kejadian atau peristiwa. Dengan ini, penulis cenderung untuk mengaplikasikan teknik retorik penceritaan agar jalan cerita yang hendak disampaikan menjadi lebih menarik dan berkesan. Penerapan teknik retorik adalah untuk memudahkan pembaca memahami idea dan jalan cerita yang hendak disampaikan dengan jelas, di samping dapat menghidupkan suasana dan menggambarkan peristiwa-peristiwa penting yang terkandung dalam Hikayat Hang Tuah. Pengaplikasian teknik retorik penceritaan turut berfungsi sebagai alat bantu kepada penulis untuk menceritakan sesuatu situasi

ataupun peristiwa, watak dan perwatakan dengan jelas, serta menggambarkan tentang kehidupan masyarakat yang terdapat dalam penulisan hikayat itu dengan baik. Hal ini menunjukkan kebijaksanaan penulis dalam mengarang sebuah karya kreatif yang baik dan berkualiti serta dapat memberikan maklumat-maklumat penting kepada pembaca.

Rujukan

- Asrulazuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017). Penerapan Retorik Gaya Skema dalam Pengkaryaan Novel Salina. *Journal of Business and Social Development*, 5(1) 60-78.
- Asrulazuan Mat Dehan & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Keanekaragaman Retorik Gaya Trope dalam Penulisan Novel Salina. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6(1) 1-12.
- Asrul Azuan Mat Dehan. (2016). Retorik dalam Novel A. Samad Said. (Tesis Master). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azrinah Abdul Rahah. (2009). Persepsi Pelajar terhadap Dialog Antara Agama: Kajian dalam Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor. (Tesis Projek Sarjana Muda). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Crawford, J. & Irving, C. (2009). Information Literacy in the Workplace: A Qualitative Exploratory Study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41(1), 29-38.
- Creswell, J.W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed-methods approaches (2nd ed.)*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Enos. T. & Brown, S. C. (1993). *Defining the New Rhetorics*. Newbury Park, California: Sage Publishing.
- Fazilah Husin. (2010). *Teater Melayu: Teks dan Eksperimentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin. (2015). *Hang Tuah Catatan Okinawa*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- H.E. Kosasih. (2013). Nilai-nilai Moral dalam Karya Sastra Melayu Klasik Islam: Kajian terhadap Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyazan, serta Hikayat Mariam Zanariah dan Nurdin Masri. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 1(1) 11-26.
- Husna Hidayah Mansor, Nor Azuwan Yaakob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Retorik Pemerian dalam Ceramah Agama. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(2), 2018: 29-38.
- Ismaliza Ishak. (2015). Percaya dan Merasai Kebenaran (PdMK): Strategi Kaedah Lakonan dalam Monodrama dan Monolog. (Tesis Master). Gelugor: Universiti Sains Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kuakitatif Siri 1 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort, Melaka*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamed & Md. Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2) 201-223.
- Mohd Abdul Nasir Abd Latif Ahmad, Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Sofyuddin Yusof & Muhammad Hasbi Abd. Rahman. (2018). Al-Khabar Language Alphabet in Two Ways Dialogue in Al-Qur'an. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, 2(1) 11-24.
- Mohd Fadzil Baharudin. (2017). Keinginan Rasa Cinta, Kehormatan dan Kemasyhuran dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya/Mphd Fadzil Baharudin. (Tesis PhD). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis Stilistik melalui Penggunaan Bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang Journal of Kesidang*, Volume 3 2018: 106-121.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik Sosioekonomi Masyarakat Dalam Laporan Media Cetak. *Jurnal Linguistik*, 20(1) 010-025.
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi & Adlina Ab. Halim. (2022). Strategi Retorik dalam Teks Peraturan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk Membendung Wabak Covid-19 di Malaysia. *Jurnal Linguistik* 26 (2) 038-051.
- Mustafa Kamal Amat Misra & Jaffary Awang. (2012). Persepsi Wanita Buddha dan Wanita Muslim terhadap Dialog Agama: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal al-Hikamah*, 4(1) 131-147.
- Nadiatan Al Ma'rufah. (2018). Retorika Ustadz Hanan Attaki dalam Berceramah di Masjid Agung Bandung: Analisis Semiotik Model Ferdinand de Saussure. (Tesis Sarjana). Surabaya: Sunan Ampel State Islamic University Surabaya.
- Nor Ain Binti Matnoh, Zairul Anuar Md. Dawam & Sim Chee Cheang. (2019). Simbolisme Watak dan Perwatakan Berdasarkan Konteks Sosio-Budaya Masyarakat Malaysia dalam Filem Ola Bola (2016). *e-Bangi: Journal Of Social Sciences And Humanities*, 16(6) 1-13.

- Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff & Rohaya Md. Ali. (2018). Leftenan Adnan: Manifestasi Penggunaan Retorik dalam Filem. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Special Issue 2(1) 578-585.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel “Orang Kota Bharu”. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(2) 13-22.
- Nurulain Abdul Razak, Che Ibrahim Salleh dan Hashim Musa. (2016). Titah Ucapan Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan Oleh Sultan Muhammad V: Satu Analisis Retorik. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 3(1) 79-93.
- Nur Fauzan Ahmad. (2017). Struktur Naratif Hikayat Nur Muhammad. *NUSA: Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra*, 12(2) 118-130.
- Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Minah Mohammed Salleh, Zuraini Seruji, Sharil Nizam Sha’ri, Veeramohan Veeraputhran & Manimangai Mani. (2020). Narrative Rhetorical in Hikayat Merong Mahawangsa. *Palarch’s Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(9) 3153-3180.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Komunikasi Tradisi dalam Kepengarangan Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 24(1) 23-49.
- Siti Nor Atikah Salleh, Nurfarhana Shahira Rosly, Nabillah Bolhassan & Asrul Azuan Mat Dehan. (2016). Keanekaragaman Ciri Laras Bahasa Kreatif (Sastera) dalam Penulisan Novel Hujan Pagi. *Jurnal Ilmi*, 6(1) 11-28.
- Zarul Anuar Md. Dawan, Mohd. Nor Shahizan Ali, Rosli Sareya, M. fazmi Hisham & Addley Bromeo Bianus. (2017). Fakta Cerita dan Struktur Plot Filem Aksi Malaysi: Analisis Filem Lari (2013). *e-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities*, 14(2) 214-228.

Biodata Penulis

Muhammad Nur Akmal Rosli, PhD merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Bidang pengkhususan ialah Retorik Bahasa Melayu.

Mohamad Nik Mat Pelet, PhD merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Bidang pengkhususan ialah Pendidikan Bahasa Melayu dan Morfologi (Tatabahasa Bahasa Melayu).

Juliana Damsik. Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Bidang pengkhususan ialah Leksikografi dan Terjemahan.

Nurul Nadia Samud. Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Bidang pengkhususan ialah Semantik dan Retorik.

Noor Saadah Salleh, PhD. Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Bidang pengkhususan ialah Sociolinguistik, Retorik, Laras Bahasa, Psikolinguistik, Jawi dan Etnolinguistik.

Norita Harijaman. Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Bidang pengkhususan ialah Terjemahan dan Retorik.